

## Tanya terus dengan guru

Archival News | Harian Metro | 20/12/2016

Kuala Lumpur: Belajar secara berkumpulan dan memberi tumpuan penuh di dalam kelas menjadi kunci utama Chetenraj Singh Harjinder Singh, 15, memperoleh 9A dalam semua sembilan mata pelajaran Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) yang diumumkan semalam.

Pelajar tingkatan tiga Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bukit Bandaraya, Bangsar berkata, belajar secara berkumpulan dapat mengumpul lebih banyak idea dan bertukar pandangan.

"Saya lebih selesa dan banyak belajar di sekolah serta pusat tuisyen berbanding belajar bersendirian di rumah kerana ia bosan dan tidak dapat memberi tumpuan 100 peratus.

"Kita juga dapat bertanya secara terus kepada rakan atau guru apabila tidak faham dengan sesuatu perkara dan cepat mengingati jawapan atau formula yang diberikan," kata anak bongsu daripada dua beradik itu.

Katanya, meskipun mendapat keputusan cemerlang yang melayakkannya menyambung pengajian ke sekolah berasrama penuh, dia memilih untuk kekal di sekolah sama dengan mengambil aliran sains kerana sudah selesa di situ selain dekat dengan ibunya, Perminder Kaur yang juga guru bahasa Inggeris di SMK Bukit Bandaraya.

Sementara itu bapanya, Harjinder Singh, 51, berkata, dia gembira dan bersyukur dan berterima kasih kepada semua guru yang membantu.

( END )

Source : Harian Metro